

28/10/2001

Dr Mahathir ambil peluang bercuti untuk bereskan kerja

SUBANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terpaksa mencuri masa bekerja sepanjang bercuti di Korea Selatan dan Jepun selepas menghadiri sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai, China minggu lalu.

"Selain menggunakan kesempatan untuk mengkaji apa yang boleh digunakan untuk pembangunan di Malaysia, saya mengambil peluang untuk membereskan kerja saya... bawa banyak fail yang perlu diselesaikan," katanya sebaik tiba dari bercuti di Pulau Cheju, Korea dan Nagasaki Jepun, di pangkalan TUDM di sini petang semalam.

Perdana Menteri berkata, ketika berada di ibu negara, banyak masanya dihabiskan dengan menemui orang ramai sehingga sukar baginya memperuntukkan masa untuk menulis ucapan dan membalas surat menyurat.

Katanya, beliau membawa banyak fail ketika bercuti di pusat peranginan Pulau Cheju bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kerana tidak mahu dibebani terlalu banyak fail yang belum dibereskan apabila balik ke Malaysia.

"Jadi kebanyakan masa juga saya luangkan untuk menulis ucapan, menulis surat. Maka ini adalah satu percutian yang baik. Kalau saya duduk sini (Malaysia), saya tak boleh buat kerja apa, orang kacau," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau mahu melihat sendiri bagaimana Pulau Cheju di Korea Selatan dimajukan sebagai sebuah pusat percutian.

Dr Mahathir berkata, beliau juga memerhatikan pembangunan taman botanikal dan cara-cara bagaimana ia boleh dimajukan di Malaysia, manakala di Nagasaki, Jepun beliau meninjau sektor pertanian yang diurus dengan baik.

(END)